

'Pengundi pengawas kuasa kerajaan'

KUALA LUMPUR, Isnin — Pengundi-pengundi adalah pengawas pelaksanaan kuasa kerajaan yang paling tepat dan berkesan dalam sebuah masyarakat demokrasi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Perdana Menteri berkata, mereka adalah pihak yang memilih kerajaan dan merekalah pihak berkuasa tunggal untuk menurunkan sesebuah kerajaan.

Menurut beliau, pihak-pihak lain boleh mendakwa bahawa mereka lebih bijak dan berpengetahuan, tetapi dalam sebuah negara demokrasi mereka tidak boleh mengenakan kemahuan mereka ke atas orang ramai.

Berucap merasmikan Persidangan Undang-Undang Malaysia Ketujuh anjuran Majlis Peguam Malaysia di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau diberitahu bahawa di kalangan peguam ada kepercayaan yang menganggap merekalah pengawas hak warganegara daripada dilanggar oleh kerajaan.

"Tetapi, mereka mesti mengakui bahawa pada hari dan ketika ini, mereka tidak mempunyai mo-

nopoli tunggal tugas sebagai pengawas. Pelbagai kumpulan sudah muncul yang bersama-sama bimbang terhadap pelaksanaan kuasa oleh kerajaan," ujarnya.

Beliau menegaskan, dalam sebuah masyarakat demokrasi, pengawas yang paling tepat dan berkesan ialah pengundi-pengundi sendiri.

"Mereka adalah pihak yang memilih kerajaan dan dalam analisa terakhir, merekalah pihak berkuasa tunggal untuk menurunkannya," jelasnya.

Namun demikian, Perdana Menteri berkata, demokrasi juga menyediakan tugas bagi golongan minoriti.

Menurutnya, mereka tidak akan diketepikan dan pendapat mereka akan didengar. "Mereka akan mempengaruhi keputusan-keputusan. Sebenarnya mereka diiktiraf sebagai bahagian asas daripada proses demokrasi. Tetapi, mereka tidak boleh menafikan kehendak-kehendak majoriti," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau menyatakan demikian untuk menerangkan bahawa kerajaan sedia mendengar nasihat Majlis Peguam apabila didapati perlu dan menimbangnya secara sungguh-sungguh.

Katanya, beliau sudah menemui wakil-wakil Majlis Peguam mengenai undang-undang terbaru yang tidak menggembirakan mereka dan menerima ulasan serta nasihat bertulis mereka.

"Kerajaan akan menimbang semua butir yang ditimbulkan dan berusaha sedaya upaya untuk menerimanya. Tetapi, seperti pernah saya nyatakan, nasihat adalah perkara baik yang boleh atau tidak boleh diterima," ujarnya.

Beliau menjelaskan, sama ada sesuatu nasihat itu diberikan sebelum, sewaktu atau selepas (penggubalan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM: Jangan anggap amalan2 negara maju paling sempurna

● DARI MUKA 1

undang-undang) tidak begitu penting.

"Kerajaan pernah meminda undang-undang disebabkan teguran selepas ia dilaksanakan. Masa tidak terlalu lewat untuk membuat pembe-tulan," tambahnya.

Perdana Menteri turut menyatakan kesal terha-dap peguam-peguam yang berpendapat baha-wa banyak amalan di ne-gara-negara asing, ter-masuk amalan mengemukakan tuntutan ke mahkamah bagi men-dapatkan anugerah yang besar, harus dilaksana-kan di negara ini kerana lain-lain negara menga-malkannya.

"Saya ingin mengesyorkan supaya kita tidak menerima se-mua perkara yang dila-kukan oleh apa yang di-katakan negara-negara bertamadun dan maju sebagai paling sempur-na," ujarnya.

Katanya, ini disebab-kan bukti-bukti menun-jukkan ada terlalu banyak khayalan tentang sistem-sistem mereka sendiri, nilai-nilai dan ke-lebihan negara-negara maju itu.

Datuk Seri Dr Ma-hathir menyatakan ke-bimbangannya bahawa pada masa ini ada ha-luan untuk mengemuka-kan tuntutan mendapat-kan anugerah yang besar di negara ini dan sikap melupai bahawa Malay-sia bukan sebuah negara maju.

Bellau berkata, adalah salah untuk memikirkan bahawa "hanya syarikat insurans akan memba-yar kos tuntutan.

"Pada jangka panjang, masyarakatlah yang akan membayarnya. Jika Malaysia menjadi masyarakat yang mengemukakan saman bagi semua perkara se-belum ia berkemam-puan, ramai rakyat miskin akan menderita," teganya.

Bellau berharap pe-guam-peguam, Majlis Peguam dan semua pi-hak yang terbabit akan menimbangkan perkara itu.